

17/12/1997

Rakyat diminta jangan tuduh kerajaan lemah

TUARAN, Selasa - Rakyat tidak wajar menuduh kerajaan lemah dalam pentadbirannya sehingga menyebabkan berlaku kemelut terhadap nilai mata wang negara, kata Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Hajiji Mohd Noor.

Sebaliknya, beliau mahu rakyat membantu kerajaan mencari jalan sesuai serta berkesan menangani masalah yang tidak boleh dibiarkan berterusan kerana akan menyulitkan semua pihak.

Oleh itu, katanya, langkah paling baik ialah berdiri teguh pada belakang kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam menyelesaikan masalah berkenaan.

"Selain itu, penduduk perlu mengamalkan sikap lebih berjimat cermat dengan menambahkan tabungan bagi memperkukuh kedudukan ekonomi sendiri dan keluarga.

"Usaha lain yang boleh dilakukan mengusahakan tanah terbiar dengan tanaman jangka pendek seperti sayur dan membeli barangan yang benar diperlukan sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap pada Majlis Bersama Rakyat serta perasmian Bangunan Pusat Sumber, Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Baru-Baru, kira-kira 40 kilometer dari sini, petang semalam.

Pusat sumber itu diperolehi menerusi peruntukan kerajaan negeri bernilai RM30,000 bertujuan membantu Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) SK Kampung Baru-Baru melaksanakan kegiatan kokurikulum sekolah itu.

Turut hadir Ketua Kampung Baru-Baru, Jawak Pengiran Ali; Pegawai Kanan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Tuaran, Parman Abu Bakar; dan Bendahari Umno Tuaran, Ismail Ibrahim.

Sempena majlis itu, Hajiji yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sulaman meluluskan RM30,000 untuk pendawaian elektrik membabitkan 70 rumah di kampung berkenaan.

Menurutnya, bantuan yang diberikan kerajaan itu membuktikan keprihatinannya terhadap kehendak penduduk yang masih memerlukan di negeri ini.

Beliau berkata, tiada sebab penduduk yang banyak menikmati kemudahan diberikan kerajaan itu menolak Kerajaan Barisan Nasional (BN) serta kehadiran Umno di Sabah.

"Sebagai penduduk Bumiputera terutama penganut Islam di negeri ini, kita tidak punya pilihan selain meneruskan sokongan padu kepada BN dan Umno sebagai tulang belakang kerajaan," katanya.

Hajiji menasihati penduduk tidak mudah terpengaruh dengan politik berunsur merugikan, sebaliknya mengetepi golongan pembangkang yang berhasrat memecah-belah perpaduan semata-mata mahu mencapai hasrat itu.

(END)